

Isnin, Apr 02 2018

Kaji semula GST secara terperinci

SH 2/4

KUANTAN - Genap tiga tahun pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) di negara ini semalam, ada yang menyokong dan tidak kurang membangkang.

Tinjauan *Sinar Harian* di sini semalam mendapati ramai yang memberikan pendapat positif, namun ada juga golongan belia yang mahu kajian dan penerangan terperinci dilaksanakan bagi kerana masih ada yang keliru.

Bagi kakitangan sektor awam, Zulkefly Zaadun Zabir, 44, pelaksanaan GST setakat ini dilihat bukan sahaja membantu pertumbuhan ekonomi negara, malah rakyat turut mendapat faedah.

"Saya tidak rasa ia satu beban berpanjangan kerana sedikit sebanyak kita sendiri mendapat faedah dalam jangka panjang.

"Hasil dan pendapatan daripada GST digunakan kerajaan untuk tujuan pembangunan infrastruktur sosial seperti kemudahan kesihatan, institusi pendidikan dan kemudahan awam untuk meningkatkan lagi taraf hidup rakyat," katanya.

Bagi arkitek, Dania Suri Wahab, 32, pada dasarnya pelaksanaan GST begitu baik, bagaimanapun keuntungan itu tidak diperoleh rakyat secara menyeluruh.

"Saya rasa benda baik ini perlu dibuat lagi kajian

menyeluruh agar semua pihak atau rakyat mendapat keuntungan dan kebaikan yang setara dalam pelaksanaan ini," katanya.

Bagi ahli perniagaan, Norul Faida Mohd Pia, 48, kerajaan perlu mengimbangi dasar dan keperluan pelaksanaan cukai tersebut.

"Jika dilihat dalam jangka waktu pendek ia memang membebankan namun dalam jangka masa panjang GST ini dapat membantu mengukuhkan ekonomi negara.

"Namun begitu, kerajaan perlu kaji semula keperluan dan kadar agar tidak ada lagi pertikaian dalam kalangan rakyat," katanya.



ZULKEFLY



DANIA



NORUL